



**PANDUAN PERMOHONAN DAN
PENGANJURAN KURSUS
PERSONEL SISTEM LATIHAN DUAL
NASIONAL (SLDN) 2024**

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN
KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA**

PANDUAN PERMOHONAN DAN
PENGANJURAN KURSUS PERSONEL SISTEM
LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

1. Objektif

Panduan ini bertujuan memberi maklumat dan memastikan penganjuran kursus personel Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan mencapai objektif serta dasar jabatan.

2. Tafsiran

“Agensi” ertinya satu syarikat, institusi latihan awam/swasta, organisasi atau badan persatuan yang didaftarkan secara sah mengikut undang-undang negara atau peraturan pihak berkuasa;

“Kursus Personel Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)” ertinya Kursus Induksi, Kursus *National Dual Training System (NDTS) Trainer Training Programme* atau Kursus *National Dual Training System (NDTS) Coach Training Programme*;

“Penganjur” ertinya mana-mana agensi yang telah berdaftar dengan Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan telah diberi kelulusan untuk menjalankan Kursus kepada Personel Pusat bertauliah awam dan swasta;

“Personel pentauliahahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliah, pegawai pengesah dalam atau pegawai penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“Sesi Penganjuran Kursus Induksi” ertinya sesi kursus yang melibatkan satu kumpulan peserta iaitu 40 orang maksima yang diadakan selama 8 jam;

“Sesi Penganjuran Kursus *National Dual Training System (NDTS) Trainer Training Programme*” ertinya sesi kursus yang melibatkan satu kumpulan peserta iaitu 30 orang maksima yang diadakan selama 32 jam;

“Sesi Penganjuran Kursus *National Dual Training System (NDTS) Coach Training Programme*” ertinya sesi kursus yang melibatkan satu kumpulan peserta iaitu 30 orang maksima yang diadakan selama 32 jam.

3. Pendaftaran Penganjur

3.1 Permohonan Pendaftaran

Agensi yang berminat menganjurkan Kursus Personel SLDN diwajibkan mendaftar sebagai penganjur berdaftar CIAST untuk mendapatkan kelulusan dengan mengemukakan Borang Pendaftaran Penganjur Kursus Personel SLDN,

CIAST/SPD/SLDN/DP/2024 () bersama-sama dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- ii. Salinan pendaftaran persatuan/pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia; dan
- iii. Profil agensi.

3.2 Pengecualian pendaftaran sebagai penganjur

Agensi Awam yang melaksanakan kursus bagi peningkatan kemahiran kakitangan agensi terbabit **dikecualikan** daripada pendaftaran sebagai penganjur kursus ini. Agensi tersebut dikehendaki mengemukakan permohonan mengikut peraturan pelaksanaan kursus yang sedang berkuatkuasa.

3.3 Tempoh Sah Pendaftaran

Tempoh sah Penganjur Kursus bermula dari tarikh pendaftaran diluluskan dan berakhir pada 31 Disember tahun kedua.

3.4 Pembaharuan Pendaftaran

Penganjur Kursus Personel SLDN dikehendaki memperbaharui pendaftaran dengan mengisi Borang Pendaftaran Penganjur Kursus Personel **CIAST/SPD/SLDN/DP/2024 () 2 bulan sebelum tempoh sah berakhir pada 31 Disember tahun kedua.**

3.5 Penamatan Pendaftaran

CIAST pada bila-bila masa berhak menamatkan pendaftaran penganjur sekiranya terdapat sebarang pelanggaran panduan yang berkuat kuasa.

4. Pelaksanaan Penganjuran Kursus

4.1 Tarikh dan tempat kursus

4.1.1 Penganjur dikehendaki mengemukakan surat permohonan pelaksanaan penganjuran kursus **satu (1) bulan sebelum tarikh kursus dijalankan**. Kategori kursus, tarikh dan alamat tempat kursus perlu dinyatakan dengan tepat.

4.1.2 Penganjuran Kursus Induksi SLDN, *NTDS Coact Trainig Programme* dan *NDTS Trainer Training Programme* boleh diadakan sepanjang minggu kecuali cuti umum dan hari kelepasan am.

4.1.3 Perubahan tarikh dan tempat kursus selain kelulusan asal perlu mendapat persetujuan bertulis Unit Pembangunan Kurikulum dan Fasilitator CIAST.

4.2 Bilangan peserta

Bilangan peserta tidak boleh melebihi **40 orang** untuk setiap sesi **Kursus Induksi SLDN**. Manakala bilangan peserta Kursus ***NDTS Trainer Training Programme*** dan ***NDTS Coach Training Programme*** tidak boleh melebihi **30 orang** untuk setiap sesi penganjuran bagi menjamin keberkesanan kursus.

4.3 Kelayakan peserta

4.3.1 Peserta bagi semua kursus Personel SLDN hendaklah:

- a. Berumur 18 tahun ke atas
- b. Wajib mempunyai sijil Induksi SLDN – untuk peserta *NDTS Trainer & Coach*

4.3.2 Penganjur perlu memastikan peserta Kursus Personel SLDN memenuhi semua syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti perkara 4.3.

4.3.3 Pihak CIAST akan mengatur penugasan penceramah dan pihak penganjur perlu menghubungi penceramah yang dilantik setelah mendapat surat kelulusan pelaksanaan penganjuran dari CIAST.

4.4 CIAST berhak membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang tidak memenuhi syarat kelayakan daripada menghadiri kursus serta tiada sijil kursus akan dikeluarkan kepada peserta yang terlibat. CIAST tidak bertanggungjawab di atas segala

kerugian penganjur dan peserta.

5. Kemudahan

Penganjur perlu menyediakan kemudahan dan bahan kursus seperti berikut;

- a) Bilik kuliah yang sesuai dan selesa mengikut Kursus Personel SLDN yang pilih;
- b) Kemudahan alat pandang dengar;
- c) Nota kursus terkini yang jelas dan mencukupi;
- d) Keperluan lain yang berkaitan (NOSS, Bahan Pembelajaran dan Borang-Borang berkaitan)

6. Kadar Bayaran Peserta

6.1 Peserta **Kursus Induksi SLDN** boleh dikenakan yuran tidak melebihi **RM250.00** seorang oleh pihak pengajur.

6.2 Peserta **Kursus *NDTS Trainer Training Programme* dan *NDTS Coach Training Programme*** boleh dikenakan yuran tidak melebihi **RM1,000.00** seorang oleh pihak pengajur.

6.3 Perincian yuran adalah seperti berikut:

Jenis Kursus	Bilangan hari	Bilangan peserta	Anggaran kos makan/peserta RM	Anggaran sewaan tempat dan peralatan/peserta RM	Kos pengurusan (bahan pengajaran, pembelajaran dan lain-lain)/peserta RM	JUMLAH KOS UNTUK SEORANG PESERTA RM
Kursus Induksi	1	40	50	50	150	250
NDTS Trainer	4	30	200 (RM50 x 4hr)	240 (RM 60 x 4hr)	560	1,000
NDTS Coach	4	30	200 (RM50 x 4hr)	240 (RM 60 x 4hr)	560	1,000

- a. Anggaran kos makan RM50 per hari bagi setiap peserta.
- b. Anggaran kos sewaan bilik seminar per hari untuk 8 jam adalah RM1000.
- c. Anggaran kos sewaan peralatan bilik seminar per hari untuk 8 jam adalah RM800.
- d. Lain-lain kos seperti penyediaan nota, bahan rujukan, NOSS yang berkaitan.

7. Kadar Yuran Penganjuran

7.1 Kadar yuran untuk setiap penganjuran **Kursus Induksi SLDN** adalah **RM 1,600.00**.

7.2 Kadar yuran untuk setiap penganjuran **Kursus *NDTS Trainer Training Programme* dan *NDTS Coach Training Programme*** adalah **RM 6,400.00**.

7.3 Penganjur perlu mengemukakan yuran dalam bentuk Bank Deraf / Kiriman Wang, Pesanan Tempatan / Local Order (LO) jabatan; atau Pemindahan Dana Elektronik (EFT) atas nama Pengarah Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) semasa mengemukakan permohonan menganjurkan pelaksanaan kursus.

8. Kehadiran

8.1 Penganjur perlu memastikan peserta datang tepat pada waktu mengikut jadual yang ditetapkan.

8.2 Penganjur perlu mengemukakan senarai kehadiran peserta mengikut Borang Senarai Kehadiran Peserta Kursus (BK-T06-06) kepada pihak CIAST pada hari pertama kursus dijalankan.

8.3 Sijil kursus hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang menghadiri semua slot kursus dengan jayanya.

9. Pakaian

Penganjur perlu memaklum dan memastikan peserta agar sentiasa berpakaian kemas dan sopan sepanjang menghadiri kursus berlangsung.

10. Sijil

10.1 Pihak Penganjur perlu melengkapkan Borang Maklumat Peserta Kursus (BK-T06-05) untuk tujuan pengeluaran sijil peserta. Borang-borang tersebut perlu diserahkan kepada penceramah CIAST diakhir kursus.

10.2 Pihak Penganjur juga perlu memastikan peserta mendaftar melalui sistem MySpike sebelum atau semasa menghadiri kursus. Pihak penganjur juga diingatkan agar memastikan peserta kursus mengisi maklumat yang tepat dalam sistem MySpike bagi mengelakkan sebarang kesilapan pada cetakan sijil. Pihak CIAST tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan cetakan sijil peserta.

10.3 Penganjur perlu memaklumkan kepada peserta bahawa sijil melalui sistem MySpike boleh dimuat turun dalam tempoh empat

belas (14) dari tarikh kursus dijalankan.

11. Tempoh Sah Laku Sijil

Sijil Kursus Personel SLDN sah digunakan (tanpa had masa) bagi tujuan perantikan jawatan personel Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP).

12. Borang Penilaian Kursus

12.1 Penganjur perlu mengedarkan Borang Maklum balas Keberkesanan Kursus Penilaian Kursus (BK-T07-01) kepada setiap peserta bagi semua jenis kursus Personel SLDN.

12.2 Penganjur perlu memastikan borang yang telah lengkap diisi oleh peserta diserahkan kepada Unit Sistem Latihan Dual Nasional, CIAST dalam tempoh **satu (1) minggu** selepas kursus diadakan.

13. Tarikh Kuat kuasa

Panduan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2024.